

Terdapat juga satu program sokongan yang membantu orang untuk pulih dan membina semula kehidupan mereka. Program ini membantu orang mencari satu tempat yang selamat untuk didiami, menyediakan sokongan untuk mendapat akses kepada penjagaan perubatan, kaunseling dan nasihat perundangan dan migrasi, sokongan kewangan, bantuan dengan pendidikan dan latihan atau mencari satu pekerjaan, dan hubungan rangkaian sosial. Palang Merah boleh memberitahu anda lebih banyak mengenai program ini.

Kerja ini dibiayai oleh Jabatan Perkhidmatan Sosial di bawah Sokongan Untuk Program Orang Yang Dipemerdagangkan.

**Untuk maklumat atau nasihat rahsia
silalah hubungi Palang Merah Australia.**


T. 1800 113 015

**E. national_stpp@redcross.org.au
redcross.org.au/workrighthub**

This Modern Slavery grant activity received grant funding from the Australian Government.



Perhambaan moden berlaku di Australia



Jika anda atau seseorang yang anda kenali sedang dieksploitasi di tempat kerja, bantuan boleh didapati.

Anda harus dilayan dengan adil di tempat kerja

Semua pekerja di Australia mempunyai hak asasi yang dilindungi oleh undang-undang. Undang-undang ini merangkumi semua pekerja termasuk mereka dari seberang laut, tanpa mengambil kira berapa lama mereka bermastautin di Australia atau jenis visa.

Eksplotasi serius di tempat kerja adalah satu jenayah di Australia.

Jika anda atau seseorang yang anda kenali adalah:

- Dipaksa untuk bekerja atau tidak selamat di tempat kerja
- Bekerja untuk masa yang panjang dengan masa rehat yang amat sedikit
- Tidak dibayar dengan sewajarnya
- Membayar balik satu hutang yang besar kepada seorang perekrut atau majikan untuk perjalanan, penginapan, pakaian, makanan, pengangkutan atau dokumen kerja
- Tidak dapat meninggalkan tempat kerja mereka atau membincangkan syarat
- Digertak atau diancam di tempat kerja, seperti diberitahu bahawa mereka akan dihantar pulang atau bahawa ahli keluarga akan dcederakan
- Tidak dapat mengakses pasport mereka atau lain-lain dokumen pengenalan diri
- Bekerja di rumah orang lain dan jarang dapat beredar

Bantuan boleh didapati.

Bagaimana untuk mendapatkan bantuan

Palang Merah memberikan nasihat dan sokongan, dan boleh merujuk anda kepada lain-lain perkhidmatan untuk bantuan. Perkhidmatan penterjemahan boleh didapati.

Hubungi 1800 113 015 atau emel kepada national_stpp@redcross.org.au

Untuk maklumat mengenai hak tempat kerja anda, anda boleh lawati www.fairwork.gov.au, atau hubungi Ombudsman Kerja Adil melalui telefon di talian 13 13 94.

Jika anda memerlukan seorang penterjemah, hubungi Perkhidmatan Penterjemahan dan Pentafsiran di talian 13 14 50.

Jika ia adalah satu kecemasan atau terdapat satu ancaman terhadap keselamatan seseorang hubungi polis di talian 000.

Untuk melaporkan satu kes perhambaan moden yang mungkin hubungi Polis Persekutuan Australia di talian 131 237.